



Ruj Tuan :

Ruj Kami : JP.PTK 207/KIE(E)14/16(34)

Tarikh : 14 Mei 2018

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/ Puan,

PENGELUARAN SIJIL FITOSANITASI BAGI KOMODITI SELASIH (BASIL)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa berkuatkuasa dari tempoh sebulan daripada tarikh surat ini, permohonan Sijil Fitosanitasi (SF) Eksport komoditi selasih (basil) perlulah disertakan dengan dokumen berikut:

- i. Surat pendaftaran ladang sumber bekalan komoditi
- ii. Salinan invois daripada ladang yang berdaftar.

Tanpa dokumen-dokumen tersebut, maklumat tempat asalan (Place of Origin) di dalam SF akan dinyatakan sebagai negara asal komoditi tersebut dan bukannya sebagai Peninsular Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, pihak syarikat perlulah mendapatkan bekalan komoditi tersebut daripada ladang yang berdaftar. Pihak syarikat boleh meminta supaya ladang tersebut membuat permohonan pendaftaran dengan mengisi Borang Permohonan Pendaftaran Ladang Untuk Eksport yang boleh didapati di laman web Jabatan (<http://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/627?mid=142>).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"ANDA KAMI UTAMAKAN"

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD KAMIL BIN MOHD YUNUS)
Pengarah
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
b.p.: Ketua Pengarah
Jabatan Pertanian

Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab



s.k.

1. Ketua Pengarah
Jabatan Pertanian
2. Ketua Unit Akreditasi dan Pematuhan Eksport
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
3. Pegawai Pertanian K/U
Unit Biosekuriti Tumbuhan Negeri